



SIARAN MEDIA

Lapan Langkah Meningkatkan Pertumbuhan KDNK PKS

Kuala Lumpur, 8 April 2019 - Mesyuarat Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK) hari ini mengesahkan lapan langkah bagi meningkatkan lagi pertumbuhan KDNK PKS untuk mencapai sasaran sumbangan KDNK sebanyak 41% kepada negara menjelang 2020. Ini memerlukan KDNK PKS berkembang pada kadar 7.9% setahun mulai tahun 2018 hingga 2020.

Majlis yang sebelum ini dikenali sebagai Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) telah dijenamakan semula menjadi MPUPK, dengan penekanan yang lebih kepada pembangunan keusahawanan. Ini adalah Mesyuarat Majlis pertama yang dipengerusikan oleh YAB Tun Dr. Mahathir Mohamed, Perdana Menteri Malaysia. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh Menteri dan Ketua Setiausaha Kementerian yang melaksanakan program pembangunan PKS merentasi pelbagai sektor utama ekonomi.

Di antara langkah-langkah yang dibincangkan hari ini termasuk memperhebatkan pendigitalan oleh PKS; meningkatkan integrasi PKS ke dalam rantaian bekalan; menyokong lebih banyak PKS yang mempunyai pertumbuhan tinggi melalui insentif berkaitan; memudahkan mekanisme pembiayaan alternatif; meningkatkan penyertaan PKS dalam rantaian industri pelancongan; melonjakkan tahap kesediaan dan daya saing PKS untuk menerapkan model perniagaan & teknologi *innovative-disruptive-compelling*; dan memacu pertumbuhan, mengukuhkan dan menggalakkan eksport gerbang pembayaran tempatan dan teknologi kewangan (*fintech*) oleh PKS Malaysia.

Sementara itu, berdasarkan persekitaran ekonomi global dan domestik semasa yang mencabar, kos menjalankan perniagaan yang tinggi secara relatif dan prestasi eksport

firma besar yang secara relatif lebih tinggi berbanding PKS, sasaran makro bagi kedua-dua KDNK PKS dan sumbangan eksport PKS adalah sangat optimistik dan mencabar. Oleh itu, Kerajaan telah bersetuju untuk memperkenalkan sasaran makro tambahan bagi tahun 2020 dan seterusnya iaitu (i) sasaran pertumbuhan tahunan KDNK PKS antara 6.0 - 8.0% setahun; dan (ii) sasaran pertumbuhan tahunan eksport PKS antara 5.5 - 7.5% setahun.

Berdasarkan pertumbuhan KDNK keseluruhan sebanyak 4.7% pada tahun 2018 dan anggaran pertumbuhan KDNK keseluruhan rasmi antara 4.3 - 4.8% pada tahun 2019 yang diumumkan oleh Bank Negara Malaysia baru-baru ini, pertumbuhan KDNK PKS dianggarkan kekal pada 5.8% bagi tahun 2018 dan 2019, sekiranya tiada penglibatan dan ransangan oleh Kerajaan selain daripada peruntukan pembangunan PKS sedia ada. Berdasarkan Pelan Tindakan Bersepadu PKS (SMEIPA), pada tahun 2019, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM13.02 bilion untuk melaksanakan 162 program pembangunan PKS menerusi 17 Kementerian dan lebih daripada 60 Agensi.

Mesyuarat juga membincangkan Rangka Kerja Keusahawanan Nasional (NEF) yang dibangunkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) sejak akhir tahun 2018. Rangka Kerja tersebut menggariskan 21 Objektif Strategi di bawah empat Teras Strategik untuk menggalakkan pembangunan keusahawanan di negara ini. NEF akan menjadi asas dalam merangka Dasar Keusahawanan Nasional (NEP) dengan matlamat utama untuk mewujudkan ekosistem keusahawanan yang menyeluruh, inklusif dan holistik. NEP dijangka dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada bulan Julai 2019.

- Tamat -

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Puan Nur Suhada Ahad (03-27756264) atau email : nursuhada@smecorp.gov.my atau Puan Nor Azian Md Yusof (03-27756174) atau email : azian@smecorp.gov.my)